

KERTAS BIL. 14/2020



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI KEUPAYAAN,
KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN
(*SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE,
ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY – SELCAT*),
DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG
PENILAIAN PRESTASI PIHAK BERKUASA
TEMPATAN (PBT) DAN AHLI MAJLIS (AM) DI
NEGERI SELANGOR**

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	HALAMAN
1.	PENDAHULUAN	3
2.	LATAR BELAKANG	3
3.	SAKSI -SAKSI	4
4.	PENEMUAN JAWATANKUASA SELCAT DARIPADA TAKLIMAT/PENDENGARAN TERTUTUP	
4.1	Perbincangan Tertutup Bersama Ahli Dewan Negeri Selangor	5
4.2	Pendengaran Tertutup Bersama Ketua <i>Whip</i> Setiap PBT Cadangan Daripada Ketua Whip	7 12
5.	PENEMUAN JAWATANKUASA DARI PENDENGARAN AWAM SELCAT	
5.1	Penemuan dari sesi soal balas bersama tujuh (7) orang saksi dari wakil Persatuan Penduduk (RA)	14
5.10-5.17	Penemuan dari sesi soal balas bersama ADN Kawasan Bukit Gasing.	15
5.18-5.21	Penemuan dari sesi soal balas bersama ADN Kawasan Jeram	16
5.22-5.31	Penemuan dari sesi soal balas bersama ADN Kawasan Pelabuhan Klang.	16
5.32-5.42	Penemuan dari sesi soal balas bersama semua AM	17
5.43-5.52	Penemuan dari sesi soal balas bersama Y. Bhg. Dato' Mohd Sayuthi Bin Bakar - Datuk Bandar MBPJ	18

5.53-5.60	Penemuan dari sesi soal balas bersama Puan Noraini Binti Haji Roslan - Yang Dipertua MPSJ	20
5.61-5.64	Penemuan dari sesi soal balas bersama Tuan Mohamad Zain Bin A Hamid - Yang Dipertua MDKL	21
5.65-5.75	Penemuan dari sesi soal balas bersama Y.B. Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru	21
6.	RUMUSAN JAWATANKUASA SELCAT DARI DOKUMEN YANG DIPEROLEHI	23
7.	RUMUSAN JAWATANKUASA SELCAT DARI PENDENGARAN AWAM	23
8.	SARANAN JAWATANKUASA SELCAT	24
9.	PERAKUAN	26
	SENARAI AHLI-AHLI JAWATANKUASA	27
	URUS SETIA	28

PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY – SELCAT), DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PENILAIAN PRESTASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) DAN AHLI MAJLIS (AM) DI NEGERI SELANGOR

1. PENDAHULUAN

- 1.1 SELCAT telah mengadakan pendengaran awam pada 20 Februari 2020 bagi menyiasat mengenai Penilaian Prestasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Ahli Majlis (AM) di Negeri Selangor.
- 1.2 SELCAT mengambil inisiatif untuk mengadakan pendengaran awam ini bertujuan untuk memantau dan memperkasakan peranan dan fungsi PBT dan AM di Negeri Selangor.
- 1.3 Penilaian daripada pihak kerajaan terhadap PBT yang kebanyakannya cemerlang namun SELCAT ingin mendengar juga daripada lapangan bagaimana penilaian rakyat, persatuan penduduk dan AM terhadap prestasi perkhidmatan PBT dan AM sendiri.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 SELCAT telah menerima aduan dan Ahli Dewan Negeri (ADN) juga membangkitkan isu mengenai prestasi perkhidmatan, penyampaian semua PBT. Selaras dengan perkara tersebut, SELCAT pada mesyuarat Bil 1/2019 bertarikh 24 Jun 2019 telah memutuskan untuk menyiasat dan meneliti isu ini bagi mendapatkan gambaran sebenar permasalahan dan cabaran di lapangan yang dihadapi oleh ADN, persatuan penduduk, AM dan PBT di Selangor dalam aspek mutu penyampaian, perkhidmatan dan kecekapan masing-masing.
- 2.2 SELCAT telah mendapatkan maklumat mengenai kehadiran AM di dalam mesyuarat jawatankuasa di 12 PBT untuk diteliti. Walau bagaimanapun, SELCAT telah sebulat suara memilih tiga PBT iaitu MBPJ mewakili bandaraya, MPSJ mewakili perbandaran dan MDKL mewakili daerah.
- 2.3 SELCAT telah menetapkan aspek prestasi yang bakal dinilai di PBT seperti berikut:
 - i) Kehadiran Yang Dipertua (YDP), Timbalan Yang Dipertua (TYDP) dan AM dalam setiap mesyuarat/Jawatankuasa dari Julai 2018 hingga Julai 2019

- ii) Senarai Majlis Perwakilan Penduduk / Jawatankuasa Penduduk yang ditubuhkan
 - iii) Jumlah peruntukan AM dan prestasi penggunaan dari Julai 2018 hingga Julai 2019
 - iv) Kadar elaun mesyuarat bagi semua AM.
- 2.4 SELCAT juga telah memanggil semua ADN untuk hadir perbincangan tertutup yang telah ditetapkan pada 20 September 2019 bagi mendapatkan maklum balas dari ADN mengenai prestasi AM dan PBT.
- 2.5 SELCAT pada mesyuarat bil. 12/2019 bertarikh 12 Disember 2019, telah mengadakan pendengaran tertutup bersama ketua *Whip* bagi PBT MDKL, MPSJ dan MBPJ bagi mengenal pasti prestasi AM, hubungan dan suasana kerja dengan YDP/DB dan kakitangan PBT masing-masing.
- 2.6 SELCAT pada mesyuarat bil. 13/2019 bertarikh 27 Disember 2019, telah meneliti kesemua maklumat yang dibekalkan, hasil dari perbincangan tertutup bersama ADN dan pendengaran tertutup bersama ketua *Whip* bagi PBT MDKL, MPSJ dan MBPJ telah sebulat suara bersetuju agar pendengaran awam perlu diadakan untuk menyiasat apakah kekangan dan cabaran yang dihadapi serta memberi cadangan membina untuk memperbaiki kelemahan dalam aspek mutu penyampaian, perkhidmatan dan kecekapannya yang mana secara tidak langsung dapat memperkasakan fungsi dan peranan PBT dan AM.

3. SAKSI -SAKSI

- 3.1 Seramai 17 orang saksi yang telah hadir untuk memberi keterangan dan membantu memberikan penjelasan di hadapan Jawatankuasa SELCAT. Mereka terdiri daripada:
- 3.1.1 Wakil Persatuan Penduduk (RA) (7 orang)
 - a. Encik Lim Chin Chye - KRT SS25A, MBPJ
 - b. Encik Habeeb Rahman Bin Anwardeen - Pengerusi RA Damansara Utama, Zon 5
 - c. Encik Ir. A. B. Naicker - Pengerusi RT SS17, MPSJ
 - d. Encik Haneef Gordon - Pengerusi RA SJ Wangsa Baiduri
 - e. Encik Abu Bakar Bin Abdullah - Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Perwira
 - f. Encik Kumaran A/L Raman - Pengerusi RA Taman Sri Jarum Mas Kuala Langat
 - g. Encik Yong Keh Chyn - AJK RA Taman Muhibah Banting

- 3.1.2 Ahli Dewan Negeri (ADN) (3 orang) :
- a. Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran - ADN Kawasan Bukit Gasing
 - b. Y.B. Tuan Mohd Shaid Bin Rosli - ADN Kawasan Jeram
 - c. Y.B. Tuan Azmizam Bin Zaman Huri - ADN Kawasan Pelabuhan Klang
- 3.1.3 Ahli Majlis (AM) (3 orang):
- a) Encik Sr N.K. Thayalan - AM Zon 11, MBPJ
 - b) Encik Chia Yew Ken - AM Zon 1 MPSJ
 - c) Puan Ang Lee Yong - AM Zon 15, MDKL
- 3.1.4 Datuk Bandar (DB)/YDP (3 orang) :
- a) Y. Bhg. Dato' Mohd Sayuthi Bin Bakar - Datuk Bandar MBPJ
 - b) Puan Noraini Binti Haji Roslan - Yang Dipertua MPSJ
 - c) Tuan Mohamad Zain Bin A Hamid - Yang Dipertua MDKL
- 3.1.5 Y.B. Tuan Ng Sze Han - Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru

3.2 Kesemua saksi telah hadir di pendengaran awam SELCAT.

4. PENEMUAN JAWATANKUASA SELCAT DARIPADA TAKLIMAT / PENDENGARAN TERTUTUP

4.1 PERBINCANGAN TERTUTUP BERSAMA ADN SELANGOR

4.1.1 SELCAT juga telah memanggil semua ADN untuk hadir perbincangan tertutup yang telah ditetapkan pada 20 September 2019 bagi mendapatkan maklum balas dari ADN mengenai prestasi AM dan PBT. Hanya 12 orang ADN sahaja yang hadir semasa perbincangan tertutup tersebut. ADN yang hadir adalah seperti berikut:

- a) Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman
(Ahli Majlis Mesyuarat kerajaan (EXCO) & ADN Kawasan Kota Kemuning)
- b) Y.B. Tuan Mohd Fakhurulrazi Bin Mohd Mokhtar
(ADN Kawasan Meru)
- c) Y.B. Puan Lee Kee Hiong
(ADN Kawasan Kuala Kubu Baharu)

- d) Y.B. Puan Rozana Binti Zainal Abidin
(ADN Kawasan Permatang)
- e) Y.B. Tuan Leong Tuck Chee
(ADN Kawasan Pandamaran)
- f) Y.B. Tuan Shatiri Bin Mansor
(ADN Kota Damansara)
- g) Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad
(ADN Kawasan Ijok)
- h) Y.B. Tuan Mohd Shaid Bin Rosli
(ADN kawasan Jeram)
- i) Y.B. Tuan Adhif Syan Bin Abdullah
(ADN Kawasan Dengkil)
- j) Y.B. Tuan Syamsul Firdaus Bin Mohamed
(ADN Kawasan Taman Medan)
- k) Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi
(Timbalan Speaker & ADN Kawasan Sementa)
- l) Y.B Puan Juwairiya Binti Zulkifli
(ADN Kawasan Bukit Melawati)

4.1.2 Hasil dari perbincangan tersebut, SELCAT menerima pelbagai permasalahan dan cadangan membina dari ADN agar dapat meneliti isu dari aspek kerjasama, penyampaian maklumat program dan kecekapan AM dan PBT.

4.1.3 Antara permasalahan yang dapat dirumuskan hasil dari perbincangan tertutup adalah seperti berikut:

- a. Terdapat ramai penduduk yang tidak mengenali AM yang dilantik berbanding ADN.
- b. Membangkitkan isu ketidakhadiran YDP dalam mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah (JKTD).
- c. kehadiran YDP dan Timbalan YDP dalam mesyuarat PBT di bawah 70% adalah rendah dan perlu diberi perhatian sewajarnya.
- d. Tidak menerima laporan minit mesyuarat daripada PBT.

- e. Menerima layanan yang tidak baik daripada YDP/AM serta tidak hormat terhadap ADN. Terdapat kes yang mana ADN diperlekehkan oleh AM dalam usaha menyelesaikan masalah di kawasan.
- f. Apakah AM memainkan peranan yang betul dalam kawasan PBT masing-masing dan adakah kehadiran dalam mesyuarat benar-benar memuaskan.
- g. ADN menjadi tempat luahan perasan termasuk amarah daripada masyarakat jika ada masalah yang timbul. Tetapi ia tidak berlaku terhadap AM yang bertanggungjawab.
- h. Walaupun ADN hadir dalam mesyuarat PBT tetapi ADN hanya seperti 'tunggul kayu'. Tiada perbincangan langsung dengan ADN kawasan dalam perancangan PBT. Kerajaan Negeri perlu berbuat sesuatu supaya suara dan pandangan ADN didengari dan diambil kira di peringkat PBT.
- i. Terdapat masalah komunikasi di antara AM dan ADN mengenai program yang akan dianjurkan oleh AM dan pembangunan yang sedang dan akan dirancang PBT kawasan berkaitan menyebabkan kesukaran kepada ADN untuk memberi penjelasan kepada komuniti setempat apabila ditanya mengenai perkara tersebut.
- j. Jawatankuasa Infrastruktur peringkat PBT mestilah melibatkan kehadiran ADN kawasan terlibat. Perancangan pembangunan tidak seharusnya meminggirkan suara ADN.
- k. AM dilihat seperti hidup dalam kemewahan berbanding ADN kawasan. Ini telah menimbulkan syak dikalangan komuniti setempat kerana mereka sedia maklum dengan elaun tetap yang diberikan tidak mungkin AM dapat melayari kehidupan sedemikian. Selain dari itu timbul tanggapan bahawa terdapat segelintir AM yang berkemungkinan mengambil rasuah dari proses tender yang dianugerahkan oleh PBT kepada kontraktor yang berjaya.

4.2 PENDENGARAN TERTUTUP BERSAMA KETUA WHIP SETIAP PBT

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT (MDKL)

Pengenalan:

- i. Encik Wong Kim Loon (DAP)
 - a. Telah berkhidmat sejak tahun 2008.
 - b. Hubungan bersama YDP adalah amat baik.
 - c. AM akan mengadakan mesyuarat *pre-council* sebelum mesyuarat penuh majlis diadakan. Ia diadakan jika terdapat keperluan (isu sensitif).

- ii. Encik Rosdi Bin Meor Endut (AMANAH)
 - a. Telah berkhidmat sejak tahun 2017.
 - b. Tiada masalah untuk bekerjasama dengan ketua-ketua pengarah dan YDP berkaitan pelaksanaan agenda PBT.
 - c. AM sering mengadakan program bersama Majlis Perundingan Komuniti Kampung (MPKK) di kawasan zon masing-masing.
 - d. Bagi projek ECRL yang melalui kawasan PBT, terdapat rundingan bersama AM untuk perancangan projek tersebut.

- iii. Encik Hamzah bin Abu Bakar (PPBM)
 - a. Telah berkhidmat sejak tahun 2010.
 - b. Hubungan sangat baik dengan pegawai PBT termasuk bersama para ADN kawasan.
 - c. Diperuntukkan sebanyak RM40,000/tahun kepada setiap AM.

- iv. Encik Mat Irwan Bin Ismail (PKR)
 - a. Sebelum ini pernah berkhidmat sebagai AM di Majlis Perbandaran Klang (MPK).
 - b. Dilihat YDP yang baharu lebih terbuka dan mendengar pandangan AM.
 - c. Kelemahan masih timbul dalam jawatankuasa khususnya pengarah-pengarah jabatan di mana ia disebabkan seseorang pengarah berkhidmat terlalu lama di satu jabatan.
 - d. Prestasi AM berdasarkan prestasi perbelanjaan sukar diukur memandangkan ada kawasan AM yang tiada taman perumahan dan lebih kepada kawasan perindustrian.

Penemuan SELCAT ketika soal jawab:

1. Isu amalan AM tidak menetap di kawasan zon berkhidmat merupakan masalah besar khususnya di kampung dan merupakan isu yang sangat sensitif. Tetapi keadaannya agak berbeza di kawasan bandar. Namun secara umum perkara ini boleh diatasi jika AM mewujudkan AJK tersendiri di zon masing-masing bagi melaporkan dan bertindak dengan segera setiap aduan yang timbul.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Taman Perindustrian (IPMC) setakat ini berjalan dengan lancar. Setakat ini telah diadakan sebanyak 4 kali bagi tahun 2019 mengikut jadual yang ditetapkan iaitu 3 bulan sekali.

3. Secara purata masa yang diperuntukkan oleh AM bagi urusan perancangan pembangunan PBT dan pengurusan aduan masyarakat masing-masing sekitar 50% peruntukan masa.
4. Jika wujud keadaan YDP yang tidak dapat hadir mesyuarat penuh majlis, menjadi tanggungjawab Timbalan YDP yang akan menguruskannya.
5. Pernah memohon peruntukan tambahan AM tetapi selalunya kelulusan bergantung pada belanjawan semasa PBT.
6. Semua AM telah diperuntukkan pejabat dan pegawai pejabat khidmatnya sendiri oleh pihak PBT.

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (MPSJ)

Pengenalan:

- i. Encik Yap Kok Weng (DAP)
 - a. Telah berkhidmat sejak tahun 2013 lagi di bawah 3 orang YDP.
 - b. YDP seorang perancang bandar yang baik dan hubungan bersama AM termasuk parti DAP adalah memberangsangkan.
 - c. Namun disebabkan ketegasan YDP baru yang banyak menegur pegawai-pegawai lama menimbulkan unsur rasa tidak puas hati di kalangan pegawai PBT.
 - d. Timbul juga isu takwim mesyuarat selalu bertukar kerana YDP banyak terlibat menjadi pembentang di peringkat antarabangsa. Ia sedikit sebanyak mengganggu perjalanan mesyuarat yang mana tarikh pertukaran saat akhir tersebut tidak selari dengan jadual asal AM. Pindaan ini adalah atas arahan YDP sendiri selaku pengerusi mesyuarat penuh bulanan PBT. Walau bagaimanapun selepas rasa ketidakpuasan hati disuarakan kepada YDP, Timbalan YDP telah diberi kuasa untuk menguruskan mesyuarat jika YDP mempunyai komitmen lain.
 - e. Para AM mempunyai *WhatsApp Group* sendiri yang benar-benar berkesan dalam menyampaikan maklumat dari masa ke masa.
 - f. Data aktiviti dan prestasi perbelanjaan peruntukan setiap AM dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan setiap bulan.
 - g. Mana-mana AM yang tidak mencapai prestasi yang ditetapkan akan ditegur.

- ii. Encik Mohd Saifullah Bin Mohd Zulkifli (PKR)
 - a. Telah berkhidmat sejak tahun 2013 lagi. Mula menjadi ketua *whip* awal tahun 2019.
 - b. Penggal baru AM kali ini ramai yang baru berkhidmat dan agak perlahan dari segi mutu perkhidmatan. AM baharu ini dilihat perlu banyak membuat kerja rumah untuk perbahasan yang berkualiti dan perlu tunjuk ajar daripada pegawai dan AM yang senior.
 - c. Walaupun hubungan dengan YDP pada awalnya dilihat ada jarak tertentu, namun keadaannya bertambah baik sehingga kini. YDP banyak membantu para AM.
 - d. Suasana kerja dengan pengarah jabatan masih menjadi masalah kerana ada sesetengah daripadanya agak keras dengan AM dan sukar untuk bekerjasama. Namun, ia masih terkawal dengan siri perbincangan bersama.
 - e. Isu boikot mesyuarat tidak timbul. Tetapi ada beberapa isu tegang seperti isu KDEB *Waste Management* sehingga bertikam lidah tetapi akhirnya berjaya mencapai kata sepakat.
 - f. AM perlukan peruntukan lebih kerana terdapat kawasan yang agak kritikal memerlukan bantuan tambahan daripada peruntukan semasa yang terhad.

- iii. Encik Mohd Tarmizi Bin Lazim (PPBM)
 - a. Antara idea baru YDP iaitu projek “Pangsapuri Rakyat” telah diamanahkan kepada AM untuk dilaksanakan di kawasan zon masing-masing yang mempunyai pangsapuri. Diperuntukkan sebanyak RM20,000 bagi keperluan fasiliti di kawasan berstrata ini. Peruntukan yang tidak digunakan akan diagihkan kepada AM lain.
 - b. Pengenalan mengenai Pasar Prihatin Selangor khas bagi golongan B40 supaya golongan tersebut mendapat peluang untuk berniaga.
 - c. AM mempunyai pejabat masing-masing, selalunya merupakan dewan serba guna PBT.

Penemuan SELCAT ketika soal jawab:

1. Sejumlah RM120,000/tahun diperuntukkan kepada setiap AM.
2. Petunjuk prestasi utama (KPI) dinilai mengikut parti masing-masing. Segala aktiviti yang dijalankan dibentangkan dalam mesyuarat penuh.

3. Bagi kes yang mana peruntukan tidak dihabiskan, ia akan dimaklumkan kepada ketua *whip* berkaitan perkara tersebut dan kemas kini dilakukan secara bulanan.
4. Selalunya bagi kes AM yang tidak dapat menghabiskan dana yang diperuntukkan ini adalah kerana kawasan zon AM tersebut terdiri daripada kawasan perindustrian. Jadi faktor taburan kawasan sebenarnya mempengaruhi prestasi penganjuran program AM.
5. Setakat ini tidak terdapat insiden penganjuran program tergendala disebabkan tidak mendapat kerjasama daripada pengarah jabatan. Cuma jabatan undang-undang dilihat agak keras dalam isu-isu sensitif seperti kes-kes perobohan. Tindakan yang keras ini mendapat sokongan daripada YDP. Bagi AM, mereka terpaksa mengundur diri dalam kes sebegini bagi mengelakkan menjadi isu politik di lapangan.
6. Diadakan mesyuarat *pre-council* sebelum mesyuarat penuh bulanan PBT bagi menentukan kata sepakat. Ia tidak dihadiri oleh ketua-ketua pengarah dan YDP.
7. Kewajaran kehadiran ADN dalam mesyuarat penuh PBT sering dipertikaikan kerana mereka tidak diberi hak untuk bersuara.
8. Tiada dalam pengetahuan setakat ini ada kes pembocoran maklumat mesyuarat *pre-council* kepada pihak luar.
9. Tiada garis panduan jelas daripada PBT bagi menilai KPI setiap AM. Sekarang ini sekadar ada *house rule* sendiri bagi setiap ketua *whip* menilai AM partinya.
10. Bagi ketua *whip*, antara penilaian KPI adalah berdasarkan kehadiran AM masing-masing dalam mesyuarat. Jika berlaku ketidakhadiran, biasanya pegawai PBT akan memaklumkan perkara tersebut kepada ketua *whip* parti.
11. Untuk rekod keseluruhan sehingga waktu ini, sejumlah RM200,000 yang diperuntukkan masih tidak digunakan dan lebihan ini akan dibuka kepada kawasan zon AM yang memerlukan yang telah kehabisan peruntukannya.
12. Terdapat kes yang mana AM merayu untuk ditukar zon kawasan disebabkan terlalu banyak aduan diterima dan termasuk juga kes-kes yang melibatkan kes ugutan. Ini memerlukan pertimbangan yang sewajarnya oleh ketua *whip* masing-masing bagi menyelesaikan isu berbangkit seperti ini.

13. Selalunya AM yang *full time* menunjukkan prestasi kerja yang lebih baik.

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)

Pengenalan:

- i. Encik Terence Tan Teck Seng
 - a. Telah berkhidmat sejak tahun 2009 di bawah pentadbiran 4 orang Datuk Bandar (DB).
 - b. DB sekarang lebih senang untuk bekerjasama.
 - c. Ketua-ketua jabatan dilihat lebih efektif dalam menjalankan kerja.
 - d. Keputusan akaun amanah di mana Ahli Majlis tidak diberikan ruang untuk mengutarakan pandangan. Tabung Amanah tidak diputuskan melalui Mesyuarat melibatkan Ahli Majlis.
- ii. Encik Zamri bin Mohamad (AMANAH)
 - a. Baru sahaja berkhidmat bermula pada tahun 2019.
 - b. Mendapat cadangan daripada para AM supaya seseorang pengarah tidak boleh menjawat jawatan sama dalam tempoh yang terlalu lama. Perlu ada pertukaran yang wajar.
 - c. Sebagai contoh, timbul isu penukaran ini disebabkan selalu timbul masalah di jabatan perlesenan yang kurang penguatkuasaan. Masih terlalu banyak perniagaan yang berurusan tanpa lesen.

Penemuan SELCAT ketika soal jawab:

1. Memang timbul isu di pihak jabatan yang tidak menjalankan kerjanya yang dilihat menyusahkan dan melambatkan permohonan lesen para peniaga. Aduan diterima mendapati tempoh mendapatkan lesen terlalu panjang.
2. Terdapat kes jabatan pelesenan dan jabatan kesihatan selalu tidak sependapat dalam menyelesaikan kes-kes. Jabatan Kesihatan mengarahkan supaya ditutup premis tetapi Jabatan Pelesenan tidak mengambil tindakan.

CADANGAN DARIPADA KETUA WHIP

1. Kerajaan Negeri diminta mengkaji semula peruntukan melibatkan infrastruktur di MPSJ memandangkan peruntukan sedia ada tidak mencukupi untuk menuju ke arah sebuah PBT bertaraf Majlis Bandaraya. Dalam hal ini dicadangkan supaya peruntukan bagi infra daripada jabatan-

jabatan lain seperti JKR dan JPS disalurkan kepada PBT memandangkan semua aduan akan ditujukan kepada PBT dan PBT lebih efektif untuk mengambil tindakan penambahbaikan dengan segera.

2. Kerajaan Negeri diminta menilai semula elaun tetap AM yang hanya berjumlah di antara RM2,000 hingga RM2500/bulan yang masih dikategorikan dalam kumpulan B40. Ini akan membolehkan AM untuk melaksanakan tugas secara sepenuh masa dan menjadi lebih efektif.
3. Mencadangkan supaya diwujudkan skim pencen bagi AM yang telah berkhidmat lama dengan PBT.
4. Daripada aspek pengurusan dan kuasa, dipohon supaya kuasa mengurus hal ehwal Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan Saliran (JPS) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) diturunkan kepada PBT bagi melancarkan urusan pihak PBT menyelesaikan satu-satu isu berbangkit.
5. Dicadangkan untuk diwujudkan dasar bahawa diwajibkan ada penukaran bagi setiap pengarah di jabatan-jabatan bawah PBT bagi setiap tempoh 5 tahun supaya tiada monopoli atau penyalahgunaan kuasa. Perkara ini perlu dilaksanakan segera.
6. Didapati ramai AM yang dilihat tiada pengetahuan jelas tugas serta kuasa mereka dan kebanyakannya seakan sebagai budak suruhan sahaja di peringkat PBT, maka dicadangkan untuk ditetapkan sekurang-kurangnya diadakan 2 kali setahun bengkel bagi memberdaya mutu dan kualiti para AM dalam memberi khidmat terbaik kepada masyarakat di kawasan zon masing-masing.
7. Kerajaan Negeri dipohon memberi peruntukan tambahan bagi kerja-kerja kutipan sampah dan pembersihan awam.
8. Ketua *Whip* MDKL merayu supaya Kerajaan Negeri memberi perhatian sama rata seperti PBT-PBT lain dalam segenap aspek dan tidak memandang sebelah mata PBT yang bertaraf majlis daerah.
9. Isu sampah pukal di PBT yang menjadi masalah berterusan di lapangan diperlukan formula penyelesaian yang efektif bagi menanganinya.
10. Mencadangkan supaya disegerakan pilihan raya PBT di semua PBT di Selangor.
11. Mencadangkan sistem kenaikan pangkat bagi menjawat jawatan DB atau YDP diambil dari kalangan pegawai PBT juga. Ia bertujuan mengurangkan kos dan masa latihan bagi pegawai yang baru dinaikkan pangkat.

5. PENEMUAN JAWATANKUASA DARI PENDENGARAN AWAM SELCAT

Penemuan dari sesi soal balas bersama tujuh (7) orang saksi dari wakil Persatuan Penduduk (RA)

- 5.1 . RA rata-ratanya menyatakan peranan penting mereka adalah seperti berikut:
 - 5.1.1 memastikan perpaduan penduduk di kawasan masing-masing serta kesihatan tak diabaikan.
 - 5.1.2 mengadakan kerjasama bersama pihak PDRM dan BOMBA agar keselamatan penduduk terjaga.
 - 5.1.3 kerap berjumpa AM untuk membincangkan isu-isu dan permasalahan yang berbangkit.
- 5.2 RA mempunyai masalah berhubung aduan yang mana tindakan segera hanya diambil setelah aduan dilaporkan kepada AM berbanding laporan dibuat terus kepada MBPJ. Berbeza pula bagi RA di kawasan MDKL yang mana tindakan terus diambil setelah aduan dilaporkan terus kepada MDKL berbanding dibuat melalui AM.
- 5.3 Tidak semua RA mempunyai kemahiran untuk membuat aduan secara atas talian yang dibangunkan oleh pihak PBT seperti eAduan diportal MBPJ. Walaupun aduan telah dilaporkan kepada AM dan MBPJ secara lisan atau bertulis, RA perlu juga membuat aduan secara atas talian.
- 5.4 RA bersetuju bahawa prestasi AM amat penting dalam menentukan hubungan dengan penduduk. Walau bagaimanapun RA berpandangan bahawa PBT wajar mempunyai strategi dalam pembangunan minda penduduk.
- 5.5 RA bersetuju bahawa peranan AM bukan hanya mendengar dan mengambil tindakan terhadap aduan sahaja tetapi melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat terhadap penduduk.
- 5.6 RA mencadangkan agar mesyuarat *town hall* yang melibatkan penduduk, AM dan PBT dibuat pada hari minggu dan bukannya pada hari berkerja kerana kebanyakan penduduk bekerja dan tidak dapat menghadiri mesyuarat tersebut. RA juga mencadangkan agar surat rasmi menjemput RA juga dikeluarkan untuk makluman mereka.
- 5.7 RA di kawasan MDKL berpandangan agar penaiktarafan MDKL kepada Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) perlulah mengambilkira isu-isu keselamatan terlebih dahulu seperti kes pecah pintu kereta dapat dikawal, dibangunkan kemudahan seperti CCTV disetiap laluan masuk jalan dan

penukaran lampu jalan kepada lampu LED untuk memudahkan kerja-kerja rondaan dan pemantauan.

- 5.8 Terdapat aduan yang dilaporkan di dalam laman aduan MPSJ didapati berstatus selesai namun tindakan tidak diambil ditapak yang diadukan.
- 5.9 Rata-rata RA berpandangan bahawa elaun AM tidak berpatutan dengan kerja yang perlu dilaksanakan. Mereka berpendapat bahawa RM5,000.00 hingga RM10,000 adalah berpatutan.

Penemuan dari sesi soal balas bersama ADN Kawasan Bukit Gasing.

- 5.10 Setiap AM mempunyai persepsi sendiri dan berbeza mengenai fungsi dan peranan mereka yang mana ianya selaras dengan status lantikan mereka yang mengikut kuota parti.
- 5.11 Garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak jelas.
- 5.12 Berpandangan perlunya dilaksanakan semula pilihanraya kerajaan tempatan yang mana AM sepatutnya dilantik oleh penduduk yang menduduki di kawasan tersebut dan bukannya melalui lantikan parti.
- 5.13 Selangor perlu menjadi negeri pertama yang memaparkan agenda mesyuarat sama ada di Portal rasmi PBT atau medium lain beberapa hari sebelum mesyuarat berlangsung yang mana ianya dapat memberi kebaikan serta input kepada AM untuk berbincang dengan penduduk seterusnya mengambil bahagian di dalam membuat keputusan.
- 5.14 Agenda mesyuarat yang dipaparkan juga dapat membantu ADN yang mana pandangan ADN akan diberikan secara jujur terhadap AM sekiranya diminta.
- 5.15 Berpandangan bahawa AM perlu berbincang dengan ADN terlebih dahulu sebelum sebarang keputusan diambil sekiranya melibatkan isu politik.
- 5.16 Kehadiran AM di dalam mesyuarat adalah penting namun yang paling utama adalah AM perlu mengambil perhatian dalam agenda mesyuarat serta mengambil bahagian dalam perbincangan.
- 5.17 Terdapat AM yang tidak menumpukan perhatian semasa perbincangan di dalam mesyuarat kerana asyik dengan urusan di talian telefon.

Penemuan dari sesi soal balas bersama ADN Kawasan Jeram

- 5.18 ADN jeram mengalami kesukaran menerangkan bidang tugas ADN dan AM kepada penduduk kerana penduduk berpendapat mereka telah memilih ADN dan segala masalah dan aduan hendaklah diselesaikan oleh ADN dan bukannya AM. Walau bagaimanapun, beliau berpandangan pilihanraya kerajaan tempatan adalah bukan penyelesaian yang baik bagi menangani masalah ini.
- 5.19 Berpandangan bahawa ia tidak bersetuju dengan pelantikan AM mengikut kuota parti kerana terdapat AM yang kurang bekerjasama dengan ADN kawasan.
- 5.20 Berpendapat mesyuarat dua hala perlu diadakan dengan lebih kerap kerana mesyuarat sebanyak tiga kali adalah tidak memadai. Ini adalah kerana masalah yang berbangkit seperti masalah isu pembangunan perlu dibincangkan dan diselesaikan dengan segera.
- 5.21 Berpandangan agar ADN perlu dilantik sebagai AM semula seperti yang pernah dilaksanakan sebelum tahun 2008 dan bukan hanya sebagai pemerhati. Ini adalah kerana ADN yang juga AM dapat mengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai isu-isu berbangkit sekiranya terlibat terus di dalam Mesyuarat Majlis/Jawatankuasa.

Penemuan dari sesi soal balas bersama ADN Kawasan Pelabuhan Klang.

- 5.22 Berpendapat bahawa PBT perlu tahu kepada siapa tindakan penguatkuasaan yang harus diberikan keutamaan terlebih dahulu seperti isu kilang tanpa kebenaran yang masih berleluasa tetapi PBT lebih gemar untuk mengambil tindakan terhadap penjaja kecil yang tidak diluluskan permohonannya.
- 5.23 Secara peribadi bersetuju supaya ADN dilantik juga sebagai AM supaya dasar pelaksanaan mudah untuk dipantau dan ADN berupaya untuk mengutarakan pendapat didalam perbincangan bersama AM kerana ADN menghadapi masalah untuk memberikan maklumbalas terhadap rakyat tentang gerak kerja PBT. Walau bagaimanapun dikhuatiri terdapat masalah penyalahgunaan kuasa seperti yang telah berlaku sebelum tahun 2008.
- 5.24 Berpendapat bahawa mesyuarat dua hala hanya bersifat simbolik dan tidak memberi apa-apa kesan dan akhirnya keputusan dibuat di Mesyuarat Penuh Bulanan. ADN perlu terlibat sama dalam menyelesaikan isu-isu dan masalah rakyat dan lebih fokus dalam pembangunan yang melibatkan rakyat.

- 5.25 Bersetuju sekiranya ADN diberi peluang untuk menilai prestasi AM atas sebab isu yang dihadapi oleh setiap ADN berbeza-beza dan ini mampu mempengaruhi cara penilaian yang akan diberikan.
- 5.26 Garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak jelas. Oleh demikian, garis panduan yang jelas perlu disediakan supaya AM memahami skop kerja masing-masing dan boleh berfungsi dengan lebih berkesan.
- 5.27 Terdapat kekangan bekerjasama dengan AM kerana kekangan kerja yang banyak, kurang berpengalaman serta lambat mengambil tindakan terhadap aduan-aduan yang dilaporkan.
- 5.28 Perlu mewujudkan satu garis panduan yang jelas berhubung dengan misi, visi, sasaran dan penyaluran peruntukan di setiap mesyuarat PBT dan Mesyuarat Penuh Bulanan kerana ADN berpendapat mesyuarat tersebut tidak seharusnya menjadi medium untuk meluluskan laporan-laporan mesyuarat Jawatankuasa semata-mata namun ia seharusnya dijadikan medium perbincangan terhadap kandungan laporan-laporan Jawatankuasa tersebut.
- 5.29 Bersetuju sekiranya petunjuk prestasi utama (KPI) pemberian Bantuan Khas Kerajaan kepada AM dinilai oleh ADN dan rakyat.
- 5.30 Berpendangan bahawa AM perlu merujuk kepada ADN masing-masing sebelum sebarang keputusan dibuat di dalam Mesyuarat Penuh Bulanan.
- 5.31 Mendapati terdapat pengarah yang tidak membuat lawatan di kawasan tetapi boleh membuat ulasan mengenai status semasa permasalahan.

Penemuan dari sesi soal balas bersama semua AM

- 5.32 Menyatakan tanggungjawab utama sebagai AM adalah seperti berikut:
- a) menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan oleh rakyat.
 - b) mengadakan kerjasama bersama ADN dan PBT dalam melaksanakan tugas dan program.
- 5.33 Memaklumkan bahawa AM hanya mengesahkan minit mesyuarat dalam mesyuarat majlis dan tidak berperanan penting.
- 5.34 Berpendapat bahawa kualiti AM dapat ditingkatkan jika AM dilantik oleh penduduk kawasan masing-masing seperti pelantikan ADN melalui pilihan raya.

- 5.35 Mencadangkan motivasi pengarah boleh dinaikkan jika diberi peluang untuk dipinda ke Jabatan yang lain untuk mendapatkan pengalaman yang baru memandangkan pengarah-pengarah yang sedia ada tidak boleh menaik pangkat dan dipinda ke PBT yang lain.
- 5.36 Memaklumkan kekangan yang sering dihadapi PBT adalah kekangan kewangan (bajet) atas sebab rakyat mahukan tindakan penguatkuasaan yang mampu untuk memberikan pengawasan sepanjang 24/7.
- 5.37 Mencadangkan penambahbaikan dengan melibatkan komuniti melalui program-program yang dianjurkan. Penduduk mahukan penguatkuasaan seperti yang dilaksanakan oleh Negara Singapura namun disebabkan kekangan bajet dan kos yang semakin meningkat, dicadangkan program bersama komuniti sebagai penguatkuasa bantuan.
- 5.38 Menyatakan tidak semua maklumat yang diperolehi dari PBT adalah rigid dan tepat. Ianya perlu dibincangkan di kawasan dan dibawa ke mesyuarat bersama PBT untuk mencari jalan penyelesaian.
- 5.39 Menyatakan pada mula berkhidmat sebagai AM, berlaku keadaan yang tidak selesa dikalangan pegawai di PBT dengan kehadiran AM. Namun AM perlu sabar dan belajar memahami tugas masing-masing.
- 5.40 Perlu berbincang bersama-sama penduduk dan juga ADN sebelum permasalahan diputuskan dalam mesyuarat. Kebiasaannya akan meminta pendapat ADN dan akan melibatkan ADN dalam setiap program yang dianjurkan supaya penduduk dapat berbincang terus dengan ADN mengenai isu-isu berbangkit.
- 5.41 Mencadangkan agar PBT lebih memfokuskan beberapa perkara dan keperluan penting agar satu bandar pintar dapat diwujudkan berbanding mewujudkan banyak aplikasi.
- 5.42 Bersetuju agar kaedah peratusan ditetapkan terhadap kehadiran dan mencadangkan kadar peratusan lulus diantara 70%-80% sebagai KPI AM.

Penemuan dari sesi soal balas bersama Y. Bhg. Dato' Mohd Sayuthi Bin Bakar - Datuk Bandar MBPJ

- 5.43 Menyatakan piagam tindak balas terhadap aduan rakyat sama ada secara bersurat atau atas talian mengambil tempoh masa selama 14 hari tetapi aduan yang seringkali berulang akan diberikan tumpuan yang lebih.
- 5.44 Bersetuju dan menggalakkan mesyuarat dua hala bersama ADN tetapi sebaiknya perbincangan tersebut tidak melibatkan kumpulan individu yang

ramai supaya dapat memberikan fokus yang penuh terhadap perkara yang ingin dibincangkan.

- 5.45 Berpendapat bahawa sekiranya ADN dilantik sebagai AM, tumpuan ADN terhadap tugas sebagai wakil rakyat akan berkurang dan cuma pemakluman tentang segala pelaksanaan atau gerak kerja PBT yang perlu disampaikan kepada ADN.
- 5.46 Memaklumkan bahawa pada tahun 2008 dan sebelumnya, borang penilaian prestasi AM sudah pun ada tetapi dimansuhkan atas sebab mendapat bantahan daripada AM yang berpendapat YDP/DB tidak layak menilai prestasi mereka dan pemberian bantuan khas kerajaan diberikan mengikut penilaian yang telah diberikan di dalam surat yang dikeluarkan oleh Y.B EXCO Kerajaan Tempatan.
- 5.47 Menyatakan keperluan menentukan garis panduan bagi AM supaya AM dapat berfungsi dengan lebih baik
- 5.48 Berpendangan sekiranya AM berfungsi dengan baik dan boleh menyampaikan gerak kerja kepada ADN, isu status ADN sebagai pemerhati tidak timbul. Kebiasaannya di Mesyuarat Penuh Bulanan, sesuatu isu berbangkit tidak dibincangkan secara mendalam dan lebih bersifat sokongan dan pengesahan sahaja.
- 5.49 Semenjak tahun 2008, terdapat borang penilaian prestasi yang mana kehadiran merupakan salah satu syarat bagi menentukan tahap lulus sebagai KPI. Namun AM secara kolektif telah membantah berkemungkinan tidak boleh menerima penilaian oleh YDP/DB pada ketika itu dan akhirnya penggunaan borang penilaian tersebut dimansuhkan.
- 5.50 Menjelaskan sebab kelewatan bayaran kepada kontraktor adalah kerana PBT tidak mendapat peruntukan daripada kerajaan. Oleh demikian, PBT perlu mendapatkan aliran tunai sendiri untuk membuat bayaran setelah penerimaan dokumen yang lengkap daripada kontraktor.
- 5.51 Menjelaskan bahawa kelewatan bayaran kepada KDEB Waste Management Sdn Bhd (KDEBWM) adalah kerana perjanjian bagi kerja pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam masih tidak disempurnakan dan tempoh penyempurnaan telah melebihi tiga bulan.
- 5.52 DB berpendapat KDEBWM sengaja lewat-lewatkan penyempurnaan perjanjian bagi kerja pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam kerana ingin kerajaan negeri campur tangan dalam isu harga kontrak yang ditetapkan.

Penemuan dari sesi soal balas bersama Puan Noraini Binti Haji Roslan - Yang Dipertua MPSJ

- 5.53 Menyatakan bahawa timbalan YDP/ DB akan hadir dan mempengerusikan mesyuarat jika YDP/ DB tidak dapat menghadiri mesyuarat supaya mesyuarat tidak ditunda dan isu-isu berbangkit dapat diselesaikan dalam tempoh yang singkat.
- 5.54 Berpandangan sekiranya peranan ADN hanya sebagai pemerhati maka ADN tiada *locus standi* untuk membincangkan isu yang dibangkitkan di dalam mesyuarat.
- 5.55 Secara peribadi bersetuju supaya ADN tidak dilantik juga sebagai AM kerana dikhuatiri terdapat masalah penyalahgunaan kuasa seperti yang telah berlaku sebelum tahun 2008 dan fungsi sebagai AM dan ADN harus dipisahkan. Ini adalah kerana sebelum tahun 2008 ADN mempunyai kuasa yang sangat besar sehinggakan pegawai sukar untuk menolak apa yang dikehendaki oleh ADN.
- 5.56 Selepas tahun 2008, pemisahan kuasa ADN dan AM telah dilaksanakan yang mana peranan AM adalah menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan sebagai perantara dalam merapatkan hubungan dengan masyarakat dengan ADN dan YDP/DB.
- 5.57 Pada peringkat awal, tekanan politik wujud diantara YDP, AM dan ADN kerana individu ini adalah daripada parti politik yang berbeza dan kekurangan kefahaman, perbezaan dari segi persepsi dan saling tidak percaya antara satu sama lain (sebagai contoh berangapan tender yang dianugerahkan kepada kontraktor yang sama merupakan kroni YDP/DB) yang memakan satu tempoh yang lama. Namun begitu, setelah memahami tugas, fungsi dan pengalaman masing-masing dalam menangani masalah, wujud satu kefahaman dan semua pihak dapat bekerjasama dengan baik.
- 5.58 Borang penilaian prestasi AM adalah subjektif jika dinilai dari segi kehadiran, perbelanjaan peruntukan dan aktiviti kemasyarakatan.
- 5.59 Ada dua kekangan yang dihadapi oleh AM seperti berikut:
- a) sekiranya isu berbangkit melibatkan undang-undang dan peraturan, AM perlu menangguhkan keputusan dan rujuk kepada YDP/DB.
 - b) sekiranya melibatkan sentimen masyarakat, AM boleh memberi pandangan dan YDP/DB boleh mendengar pandangan tersebut.
- 5.60 Masih terdapat AM yang ketinggalan dari segi kehadiran dalam mesyuarat. MPSJ telah mewujudkan anugerah prestasi AM sebagai satu motivasi

kepada AM dan peratusan kehadiran AM dalam mesyuarat telah dimasukkan sebagai KPI.

Penemuan dari sesi soal balas bersama Tuan Mohamad Zain Bin A Hamid - Yang Dipertua MDKL

- 5.61 Memaklumkan terdapat persatuan penduduk yang ditubuhkan hanya bertujuan untuk membuat aduan semata-mata
- 5.62 Menyatakan bahawa kehadiran mesyuarat tidak termasuk di dalam skop kerja AM dan mengakui terdapat segelintir AM yang tidak hadir ke mesyuarat tanpa mengemukakan sebab. Selain itu, terdapat juga AM yang hanya menandatangani kehadiran tanpa masuk ke dalam mesyuarat dan ada juga AM yang hadir sewaktu dihujung waktu mesyuarat hampir tamat. Walau bagaimanapun, terdapat juga AM yang sangat komited hadir di dalam mesyuarat tetapi tidak mengambil bahagian di dalam perbincangan serta memberi cadangan untuk penambahbaikan yang perlu dilakukan terhadap sesuatu isu.
- 5.63 PBT tiada kuasa mutlak dalam pemilihan kontraktor kerana pemilihan kontraktor dibuat oleh Ahli Lembaga Jawatankuasa Tender Negeri yang terdiri daripada:
- a) Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pengerusi Jawatankuasa.
 - b) Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Selangor.
 - c) Pengarah Jabatan Kerja Raya.
 - d) Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran.
- 5.64 AM tidak memberikan kerjasama yang baik dalam memaklumkan kepada MDKL status penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk.

Penemuan dari sesi soal balas bersama Y.B. Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru

- 5.65 Memaklumkan bahawa sebanyak dua kursus asas AM telah dilaksanakan iaitu pada 22 Oktober 2018 dan 14 November 2018 bagi memberi penerangan dan pendedahan terhadap tugas dan tanggungjawab AM.
- 5.66 Peranan dan tugas AM telah dijelaskan di dalam Akta KPKT. Memandangkan AM masih lagi tidak jelas tentang peranan dan tugas yang diamanahkan seperti yang dijelaskan semasa pendengaran awam SELCAT ini, maka Y.B bercadang agar satu kursus perlu dilaksanakan semula untuk memperkasakan peranan dan fungsi AM.

- 5.67 YDP/DB telah diberi peringatan untuk mengadakan mesyuarat dua hala secara berkala dan sistem pemarkahan telah diperkenalkan bagi setiap pertemuan yang dilakukan.
- 5.68 Memaklumkan Undang-Undang Kecil (UUK) tidak kukuh dan enakmen sisa pepejal sudah dibuat dan hanya menunggu ulasan rasmi dari pihak KPKT.
- 5.69 ADN sepatutnya tidak bercampur tangan dengan urusan PBT kerana ADN harus menjalankan tugasnya serta mempercayai kebolehan AM yang dilantik oleh partinya dalam mengatasi isu yang dialami.
- 5.70 Mencadangkan pelaksanaan program *Retreat* bagi menambahbaik hubungan diantara ADN dan AM dengan memupuk persefahaman dan sikap saling menghormati sekaligus memahami tugas, fungsi dan pengalaman masing-masing dalam menangani masalah.
- 5.71 Kerajaan Negeri telah mengangkat satu kertas cadangan ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk dibawa dan dibincangkan di Mesyuarat Kabinet mengenai keperluan penukaran berkaitan Pengarah sedia ada yang kurang minat bekerja bersungguh-sungguh / kurang proaktif atau yang ingin mencuba berkhidmat di jabatan lain. Sekiranya kertas cadangan ini diluluskan, pertukaran pengarah yang sedia ada / pegawai ke PBT yang lain bolehlah dilaksanakan.
- 5.72 PBT sering mengambil inisiatif untuk mengatasi masalah yang ditimbulkan oleh kilang tanpa kebenaran jika menerima aduan daripada rakyat. Satu enakmen telah didrafkan dan dikemukakan kepada KPKT dan masih menunggu ulasan / maklum balas KPKT.
- 5.73 Tidak bersetuju sekiranya ADN/MP diberi peluang untuk membuat penilaian terhadap AM dan akan mempertimbangkan sekiranya ADN ingin mencadangkan AM sendiri sekiranya ada.
- 5.74 Pihak Exco tidak pernah menerima aduan mengenai kelewatan pembayaran kontraktor kecuali aduan daripada KDEBWM (oleh sebab perjanjian belum ditandatangani) yang telah ditambahbaik dan diselesaikan. Namun memerlukan masa untuk menyiasat aduan kelewatan bayaran oleh kontraktor yang lain.
- 5.75 PBT di Selangor dalam perancangan untuk menambahbaik imej PBT dengan menyemak semula polisi / UUK yang lama. PBT sedang meneliti dan memperhalusi garis panduan yang baharu seperti perniagaan penjaja kecil. Selain dari itu, PBT di Negeri Selangor telah mendapat pujian daripada Kerajaan Negeri Johor mengenai aplikasi parkir *Smart Selangor* dan telah meminta PBT di Negeri Selangor memberi bantuan membangunkan sistem tersebut di Negeri Johor.

6. RUMUSAN JAWATANKUASA SELCAT DARI DOKUMEN YANG DIPEROLEHI

- 6.1 SELCAT mendapati MPSJ tidak membekalkan dokumen / maklumat seperti yang dipohon dengan lengkap iaitu maklumat berkenaan jumlah peruntukan AM dan prestasi penggunaan bagi tahun 2018 dan 2019.
- 6.2 SELCAT mendapati percanggahan dari dokumen / maklumat yang diperolehi daripada ketiga-tiga PBT dengan rekod minit mesyuarat yang mana AM yang tidak hadir mesyuarat majlis direkod hadir dalam rumusan kehadiran AM manakala AM yang hadir direkod tidak hadir.
- 6.3 SELCAT mendapati tiada peratusan kehadiran minima yang ditetapkan untuk menilai prestasi kehadiran AM ke mesyuarat di PBT. AM, ADN dan YDP MPSJ bersetuju agar satu kadar peratusan kehadiran ditetapkan sebagai salah satu syarat lulus KPI.
- 6.4 Terdapat kehadiran AM yang kurang memuaskan iaitu 25% sahaja dari jumlah keseluruhan mesyuarat yang perlu dihadiri. SELCAT berpendapat peratusan kehadiran bagi AM di dalam mesyuarat seharusnya melebihi 75%.
- 6.5 Bilangan program yang dianjurkan oleh AM di kawasan MDKL mempunyai jurang yang besar di antara satu AM dengan AM yang lain. Namun jumlah peruntukan yang diguna pakai adalah hampir sama banyak.

7. RUMUSAN JAWATANKUASA SELCAT DARI PENDENGARAN AWAM

- 7.1 SELCAT mendapati tiada peratusan kehadiran minima yang ditetapkan untuk menilai prestasi kehadiran AM ke mesyuarat di PBT. AM, ADN dan YDP MPSJ bersetuju agar satu kadar peratusan kehadiran ditetapkan sebagai salah satu syarat lulus KPI.
- 7.2 Hubungan dan kerjasama AM dan ADN amat penting kerana ADN tidak mampu memasuki semua mesyuarat dan kewujudan AM seharusnya menyokong dan mendokong agenda yang dibawa oleh ADN masing-masing. AM sepatutnya mewujudkan hubungan kerjasama yang sihat dalam melaksanakan peranan dan tugas masing-masing supaya permasalahan yang dibangkitkan oleh rakyat dapat diselesaikan dengan cepat.
- 7.3 Terdapat PBT yang tidak mengadakan mesyuarat dua hala secara berkala seperti yang telah ditetapkan. PBT sepatutnya mengambil peluang mengadakan mesyuarat dua hala sebagai medium untuk membincangkan permasalahan rakyat dan bekerjasama dengan pihak ADN supaya beban kerja PBT dan ADN dapat diimbangi.

- 7.4 Telah ada borang penilaian prestasi AM pada tahun 2008 namun AM tidak berpuashati dan membantah penggunaan borang penilaian prestasi tersebut kerana berkemungkinan AM tidak boleh menerima penilaian yang diberikan oleh DB/YDP ketika itu dan akhirnya penggunaan borang penilaian prestasi AM ini dimansuhkan.
- 7.5 DB/YDP bersetuju dengan SELCAT mengenai perlunya satu penanda aras bagi menentukan prestasi AM dan kriteria yang perlu dimasukkan sebagai syarat lulus perlu diteliti dan diperhalusi.
- 7.6 Rakyat telah berani membuat sesuatu yang bersalahan dengan undang-undang kerana tindakan penguatkuasaan yang tidak seimbang. Sebagai contoh tindakan perobohan terhadap gerai-gerai kecil telah diambil berbanding kilang tanpa kebenaran. Tindakan yang diambil terhadap gerai-gerai kecil ini seharusnya dilaksanakan secara berhemah. PBT perlu memikirkan tempat yang bersesuaian sebagai ganti tapak gerai yang telah dirobokan yang mana tapak alternatif tersebut perlulah mempunyai daya sosio-ekonomi.

8. SARANAN JAWATANKUASA SELCAT


- 8.1 Jawatankuasa mencadangkan keperluan untuk mewujudkan satu garis panduan yang jelas berhubung dengan misi, visi, sasaran dan penyaluran peruntukan di setiap mesyuarat PBT dan Mesyuarat Penuh Bulanan yang diselaraskan oleh Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT).
- 8.2 Jawatankuasa turut mencadang satu garis panduan yang jelas perlu disediakan oleh SPBT supaya AM memahami skop kerja masing-masing dan boleh berfungsi dengan lebih berkesan.
- 8.3 SELCAT menyarankan agar pelaksanaan penilaian prestasi AM diwujudkan semula dengan mengambil kira aspek yang menyeluruh dan penilaian hendaklah dibuat oleh beberapa pihak supaya hasil penilaian lebih telus.
- 8.4 Y.B. EXCO PBT perlu menetapkan senarai kelayakan minima yang perlu dimiliki untuk menjadi AM agar AM yang dilantik lebih kompeten dalam menjalankan tanggungjawab, peranan dan fungsi sebagai AM.
- 8.5 Jawatankuasa mencadangkan perlunya dipertimbangkan pilihanraya kerajaan tempatan (*local election*) yang mana AM sepatutnya dipilih oleh penduduk yang menduduki di kawasan tersebut dan bukannya melalui lantikan parti.

- 8.6 PBT disarankan agar menetapkan kadar peratusan wajib hadir mesyuarat sebagai salah satu KPI AM dan mencadangkan kadar peratusan lulus diantara 75%-80%. Selain dari itu, prestasi penggunaan penuh peruntukan perlu dijadikan sebagai salah satu syarat lulus KPI kerana program yang dianjurkan dapat membuka ruang penglibatan dikalangan ADN, DB/YDP, AM dengan komuniti setempat.
- 8.7 Jawatankuasa mencadangkan agar pengarah boleh diberi peluang untuk berkhidmat di Jabatan yang lain untuk mendapatkan pengalaman yang baru dan meningkatkan motivasi pengarah memandangkan pengarah-pengarah yang sedia ada tidak boleh dinaikkan pangkat dan bertukar ke PBT yang lain.
- 8.8 Jawatankuasa mencadangkan kehadiran ADN ke Mesyuarat Penuh PBT bukan sebagai pemerhati sebaliknya sebagai penyumbang saranan mengenai isu-isu dan permasalahan berbangkit di kawasan PBT atas kapasiti ADN namun tidak berhak mengundi dan membuat keputusan.
- 8.9 Memperkasakan perkhidmatan PBT dan agensi yang lebih efektif dan mesra rakyat di mana kewajiban untuk menjawab aduan atau pertanyaan melalui surat atau saluran lain dalam tempoh 14 hari perlu dijadikan sebagai piagam dan dimasukkan dalam Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri.
- 8.10 Jawatankuasa mencadangkan kerajaan negeri mewujudkan satu ketetapan baru kepada PBT untuk membuat jemputan khas kepada ADN atas kapasiti ADN menghadiri mesyuarat penuh PBT atas kapasiti ADN kawasan dan diberi hak bersuara sebagai pemberi sumbang saran/ mengemukakan pandangan yang direkodkan dalam minit mesyuarat. Namun ADN masih kekal tidak mempunyai hak untuk mengundi/membuat keputusan.
- 8.11 SELCAT mencadangkan agar Laporan Pengisytiharan Harta semua Ahli Jawatankuasa Sebut Harga dan Tender di peringkat PBT dibentangkan di Mesyuarat Penuh PBT setiap tahun.
- 8.12 SELCAT menyarankan agar kadar elaun tetap AM dikaji semula memandangkan tugas yang harus digalas amat luas.

9. PERAKUAN

Penyata ini disediakan oleh Jawatankuasa SELCAT dan telah dibincangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa SELCAT di Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 4 / 2020 pada 21 Mei 2020 (Khamis).

Disahkan oleh,

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Ng Suee Lim', written over a horizontal dotted line. The signature is stylized and somewhat cursive.

(Y.B. Tuan Ng Suee Lim)

Pengerusi

Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban
dan Ketelusan Selangor

*(Special Select Committee on Competence, Accountability and Transparency-
SELCAT)*

AHLI-AHLI JAWATANKUASA SELCAT

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan Selangor (Special Select Committee on Competence, Accountability and Transparency- SELCAT):

- | | | |
|----|---|-----------|
| 1. | Y.B. Tuan Ng Suee Lim
(ADN Kawasan Sekinchan) | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping
(ADN Kawasan Bukit Lanjan) | Ahli |
| 3. | Y.B. Tuan Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Ahli |
| 4. | Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Banting) | Ahli |
| 5. | Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin
(ADN Kawasan Bandar Utama) | Ahli |
| 6. | Y.B. Tuan Rizam bin Ismail
(ADN Kawasan Sungai Air Tawar) | Ahli |
| 7. | Y.B. Dato' Dr Ahmad Yunus bin Hairi
(ADN Kawasan Sijangkang) | Ahli |

URUS SETIA

1. Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian Dewan
2. Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha (Dewan)
3. Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat
4. Puan Salmiah binti Hamdan
Penyelidik Kanan Pejabat Speaker
5. Cik Siti Khadijah binti Maarof
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker

6. Cik Cheah Sheue Chyi
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker
7. Encik Nik Muhammad Syaamil bin Nik Ismail
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker